

## Dua peniaga salah guna sijil halal dikompaun

**KUALA TERENGGANU** - Dua peniaga di daerah ini dikenakan kompaun sebanyak RM400 setiap seorang kerana menggunakan logo halal tanpa kelulusan daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) bulan lalu.

Pengarahnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN-HEP) Terengganu, Shahrudin

Moht Kia berkata, operasi dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) itu dilakukan hasil aduan orang ramai.

Menurutnya, hasil siasatan awal mendapati peniaga kedai makan dan produk kecantikan itu menampal logo halal pada premis mereka sedangkan tidak pernah membuat permohonan persijilan halal daripada JAKIM

dan JHEAT.

“Memakai logo halal tanpa kelulusan persijilan halal merupakan satu kesalahan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada program Kesedaran Halal Kepada Penjawat Awam: Isu dan Cabaran Industri Halal di Dewan Auditorium JHEAT di sini semalam.

